

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER I

SESI 2014/2015

NAMA KURSUS	:	TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBD 20202
KOD PROGRAM	:	1BBB, 1BBC, 1BBD, 1BBE, 1BBF
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2014/ JANUARI 2015
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A DAN BAHAGIAN B, SERTA JAWAB DUA (2) SOALAN SAHAJA DI BAHAGIAN C.

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG SEPULUH (10) MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

S1 Definisi Teknologi Pendidikan adalah berkaitan dengan perkara berikut, kecuali

- A produk
- B peralatan
- C bahan pengajaran
- D proses

S2 Kitaran komunikasi dalam proses pengajaran yang mengikut urutan yang betul adalah

- A Enkod, Dekod, Media, Penerima, Pengirim
- B Pengirim, Enkod, Media, Dekod, Penerima
- C Dekod, Media, Pengirim, Penerima, Enkod
- D Pengirim, Dekod, Media, Enkod, Penerima

S3 Berikut adalah tokoh Teori Tingkahlaku, kecuali

- A Pavlov (1849-1936)
- B Watson (1878-1958)
- C Skinner (1904-1960)
- D Parkinson (1963-1973)

S4 Berikut adalah beberapa perkara dalam model pengajaran yang berorientasikan bilik darjah, kecuali

- A analisis pelajar
- B nyatakan objektif
- C jelaskan pendekatan
- D gunakan media dan bahan

S5 X adalah sesuatu yang dapat digunakan untuk menyalurkan pesanan daripada guru kepada pelajar sehingga dapat merangsangkan fikiran, perasaan, perhatian, minat serta perhatian pelajar dan seterusnya terjadinya proses pembelajaran. X adalah

- A media pengajaran.
- B bahan pengajaran.
- C teknologi pengajaran.
- D alat bantu mengajar

- S6 Prinsip utama yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan media ialah
- A analisis latar belakang dan stail pembelajaran pelajar
 - B kekangan dalam pelaksanaan seperti faktor ruang dan peralatan
 - C kaedah pengajaran sama ada pengajaran berkumpulan atau kendiri
 - D potensi media bagi melaksanakan objektif pembelajaran dengan berkesan
- S7 Penggunaan alat bantu mengajar di sekolah dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti
- I proses penyediaan dan penggunaan alat
 - II kemudahan peralatan dan bahan di sekolah
 - III kepentingan penggunaan alat dalam proses pengajaran
 - IV kesedaran guru terhadap kewujudan bahan dan peralatan di sekolah
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV
- S8 Kriteria dalam membuat pemilihan alat bantu mengajar (ABBM) termasuklah
- I kos
 - II strategi pengajaran dan pembelajaran
 - III kepelbagaian bahan
 - IV saiz kelas
- A I, II, dan III
 - B I, II, dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV
- S9 Peralatan-peralatan yang diperlukan dalam sesuatu persembahan yang menggunakan visual tayangan adalah
- I penunjuk laser
 - II projektor
 - III sistem penayangan video dan data
 - IV *Liquid Crystal Display (LCD) Palette*
- A II dan III
 - B I, II dan III
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

S10 Faktor utama yang perlu dipertimbangkan oleh seseorang guru sebelum memilih sesuatu media pengajaran adalah

- A bahan pengajaran
- B ruang pengajaran
- C *audience* (peserta)
- D objektif pengajaran

S11 Kebaikan Projektor Legap (*Opaque Projector*) adalah seperti berikut kecuali

- A dapat menjimatkan masa, kos, dan tenaga penyediaan.
- B sesuai digunakan di lokasi yang mempunyai cahaya yang terang
- C bahan dari buku, gambar foto dan bahan sebenar dapat ditayangkan ke skrin
- D membantu pengajar menayangkan bahan yang didapati dalam masa yang singkat

S12 Media ini merupakan model yang disusun rapi supaya dapat menggambarkan keadaan atau rupa bentuk satu situasi pemandangan asal. Ia biasanya dapat dilihat di muzium.

Kenyataan ini adalah merujuk kepada

- A Model olok-olok
- B Model berskala
- C Terrarium
- D Diorama

S13 Antara berikut, manakah kombinasi warna latar belakang dan warna teks yang kurang sesuai?

Warna latar belakang

- A Biru tua / hitam
- B Kuning Muda dan tua
- C Hijau muda
- D Kelabu

Warna teks yang sesuai

- A Kuning / putih
- B Biru tua / Hitam
- C Hitam / Biru tua
- D Putih/ Hitam

S14 Elemen-elemen asas yang diperlukan dalam sesuatu kerja fotografi adalah

- I kamera
- II subjek/ objek
- III filem/ kad memori
- IV cahaya

- A I dan II
- B I dan III
- C I, II dan III
- D I, II, III dan IV

S15 Tugas bahagian ini adalah mengawal cahaya yang masuk ke dalam kamera.

- A Dial Kelajuan *Shutter*
- B Dial Kelajuan Filem (ISO)
- C Gegelang *Aperture*
- D Gegelang fokus

S16 Kelajuan *shutter* yang paling sesuai untuk merakam apabila seseorang sedang berjalan ke arah anda (5km/j) adalah

- A 1/60
- B 1/125
- C 1/250
- D 1/500

S17 Apakah komposisi (*angle*) yang paling sesuai untuk mendapatkan imej yang jelas apabila ia berada dalam keadaan dekat atau terlalu dekat?

- A *Wide angle*
- B *Medium angle*
- C *Close up*
- D *Low angle*

S18 Berikut adalah teknik penggambaran video kecuali

- A *Panning*
- B *Dollying*
- C *Zooming*
- D *Screening*

S19 Media audio mempunyai beberapa kelebihan kecuali

- A kaedah persembahan terhad kepada urutan rancangan yang dirakam
- B media audio boleh digunakan untuk kumpulan atau individu dengan mudah
- C bahan audio dapat memberi gambaran lebih berkesan berbanding menerusi pembacaan.
- D bahan untuk peralatan audio mudah diperoleh dan dihasilkan serta mudah digunakan oleh murid dan guru.

S20 Bunyi yang dikeluarkan melalui getaran yang membentuk gelombang dan perbezaan bentuk dalam gelombang ini membentuk bunyi dikenali sebagai

- A Audio Digital
- B Audio Analog
- C Audio Mono
- D Audio Stereo

- S21 Ia merupakan format paling mudah dan sering digunakan. Identifikasinya adalah berdasarkan C-45, C-60, C-90 dan C-120. Keterangan ini merujuk kepada
- A pita kaset
 - B piring hitam
 - C cakera padat
 - D pita audio digital
- S22 Multimedia memainkan peranan yang amat penting di dalam pendidikan. Kenyataan berikut menunjukkan kepentingan multimedia dalam pendidikan kecuali
- A mengaplikasi format interaktif.
 - B menggalakkan pembelajaran kendiri.
 - C mendokong komunikasi linear yang efektif.
 - D membangkitkan keseronokan dengan penggunaan komputer.
- S23 Berikut adalah ciri-ciri pembelajaran melalui web kecuali
- A kawalan pengguna yang rendah.
 - B sumber maklumat yang tidak terbatas.
 - C faktor ruang dan sempadan yang tiada batasan.
 - D persekitaran pembelajaran yang bercirikan dunia sebenar.
- S24 Antara kelebihan penggunaan telesidang video (*video conferencing*) adalah
- A kos yang tinggi.
 - B masa persediaan yang lebih.
 - C daya penumpuan yang tinggi secara serentak.
 - D mendekatkan dua destinasi, menjimatkan kos dan masa perjalanan.
- S25 Persekitaran pembelajaran melalui web adalah berasaskan pendekatan _____, di mana pelbagai maklumat dalam bentuk teks, grafik dan animasi, audio dan video boleh dirangkaikan dalam pelbagai bentuk.
- A *Hypertext*
 - B *Hyperlink*
 - C *Hypergraphic*
 - D *Hypermedia*
- S26 Multimedia kini telah berjaya menembusi bidang pendidikan kerana ia
- I merangkumi semua peranti penyampai melalui mikropemproses
 - II mengaplikasikan penyampaian mengikut urutan (*sequential*)
 - III menggunakan seberapa banyak saluran deria
 - IV menjanakan mesej yang unik melalui paparan skrin

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S27 Pilih kenyataan yang benar tentang Pusat Sumber Elektronik (PSE).

- I Menyediakan maklumat tiada sempadan.
- II Menyediakan pusat media elektronik.
- III Mempunyai bahan-bahan pengajaran yang statik.
- IV Mempunyai elemen pencarian bahan rujukan.

- A I dan II
- B II dan IV
- C I, II dan III
- D I, II dan IV

S28 Kenyataan berikut adalah benar dalam merancang sebuah Pusat Sumber Pendidikan yang kondusif kecuali

- A kawalan suhu dan pencahayaan bilik yang baik
- B ruang tayangan dan ruang bacaan boleh disatukan.
- C pusat sumber mestilah terletak dikawasan yang mudah dihubungi.
- D setiap peralatan hendaklah di tempatkan pada ruang dan sudut yang sesuai serta dilengkapi dengan manual pengguna.

S29 Fungsi utama penubuhan Pusat Sumber Sekolah (PSS) adalah

- I Menyediakan tempat untuk staf pentadbiran mengadakan perbincangan berkaitan isu-isu pendidikan.
- II Menyediakan bahan pembelajaran dan pengajaran guru.
- III Menjadi rujukan guru dan pelajar bagi mendapatkan bahan pembelajaran.
- IV Mempromosi bahan dan perkhidmatan Pusat Sumber Sekolah.

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, III dan IV
- D II dan IV

S30 Tugas utama bagi seorang guru yang dilantik sebagai penyelaras Pusat Sumber Sekolah (PSS) adalah untuk

- A menguruskan pembelian peralatan PSS.
- B mempamerkan jadual penggunaan bilik tayangan.
- C memberi khidmat nasihat dan bimbingan dalam penggunaan media di PSS.
- D merancang dan melaksanakan program media dalam kalangan pelajar dan guru.

BAHAGIAN B

- S1 (a) Jelaskan tiga (3) domain Teknologi Pendidikan (6 markah)
- (b) Nyatakan komponen-komponen utama yang terkandung dalam model ARCS. 4 markah)
- S2 (a) Nyatakan lima (5) kriteria yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan media pengajaran (Alat Bahan Bantu Mengajar-ABBM) (5 markah)
- (b) Padankan papan-papan pengajaran tersebut dengan pernyataan yang tepat. Tuliskan jawapan anda dalam bentuk; (contoh) A (I), sekiranya ia adalah pilihan jawapan yang tepat.
- | | |
|---------------------|---|
| A. Papan tulis | I. Permukaan papan ini dibuat dari sejenis kain ataupun kepingan bahan-bahan lain yang berbulu kasar yang digamkan pada papan lapis agar kad-kad visual dapat dilekapkan ke atas permukaannya dengan mudah. |
| B. Papan magnetik | II. Papan ini merupakan sejenis papan putih yang memaparkan imej daripada monitor komputer. Ia sering dipanggil sebagai “Smart Board” atau “Interactive White Board” kerana ia mempunyai ciri interaktif. |
| C. Papan elektronik | III. Papan ini turut di kenali sebagai papan kapur, papan hitam atau papan hijau. Penggunaannya mudah kerana ia sentiasa berada dalam bilik dajah |
| D. Papan Buletin | IV. Papan ini diperbuat daripada logam dan menggunakan keping-keping magnet kecil untuk melekatkan bahan pengajaran seperti kad visual di atas papan tersebut. |
| E. Papan Flannel | V. Papan ini mempunyai fungsi yang sama seperti papan kenyataan. Ia selalunya digunakan untuk memaparkan sesuatu aktiviti pembelajaran yang sedang berlaku dan menyebarkan maklumat semasa. |
- (5 markah)

S3 (a) Terangkan dengan ringkas langkah-langkah dalam penghasilan sebuah video.

(5 markah)

(b) Di peringkat pre-produksi, apakah fungsi papan cerita (*story board*) dalam fasa pembangunan video?

(5 markah)

BAHAGIAN C

S1 Anda dikehendaki membuat persembahan dalam satu seminar di peringkat kebangsaan. Sebelum persembahan, anda perlu membuat persediaan dan mengambil kira beberapa strategi yang penting dalam membuat persembahan. Apakah strategi-strategi yang akan anda laksanakan dan huraikan setiap strategi yang dinyatakan.

(20 markah)

S2 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan
i. multimedia
ii. *hypertext*
iii. *hypermedia*

(6 markah)

(b) Nyatakan tiga (3) kebaikan dan tiga (3) keburukan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran.

(6 markah)

(c) Bincangkan kelebihan penggunaan telesidang video (*video conferencing*) dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

(8 markah)

- S3 “Teknologi merupakan alat bantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Ia tidak akan dapat menggantikan kedudukan guru dalam erti kata yang luas. Namun, dengan penggunaan teknologi dalam P&P membolehkan aktiviti P&P dijalankan tanpa sebarang kekangan tempat dan masa. Ianya juga akan meningkatkan penggunaan sumber pendidikan dan berupaya meningkatkan kualiti pendidikan disamping mempercepatkan proses pendidikan berasaskan kadar kebolehan pelajar.”

Bincangkan kenyataan di atas.

(20 markah)

-SOALAN TAMAT-